

## Pengimbuhan Kata dalam Bahasa Iban

*The Affixation of Words in Iban Language*

Ericca Eanna Anak Bidi  
[ericcaeanna9705@gmail.com](mailto:ericcaeanna9705@gmail.com)

Salbia binti Hassan  
[hsalbia@unimas.my](mailto:hsalbia@unimas.my)

Dayang Sariah Abang Suhai  
[asdsariah@unimas.my](mailto:asdsariah@unimas.my)

Universiti Malaysia Sarawak, MALAYSIA

**Published:** 30 December 2022

**To cite this article (APA):** Bidi, E. E., Hassan, S., & Abang Suhai, D. S. (2022). Pengimbuhan Kata dalam Bahasa Iban: The Affixation of Words in Iban Language. *PENDETA*, 13(2), 55–71. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.5.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.5.2022>

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengimbuhan kata dalam bahasa Iban. Pengimbuhan kata yang dikaji menfokuskan kepada imbuhan awalan yang hadir di hadapan kata kerja yang terdapat dalam teks cerita rakyat. Terdapat dua objektif utama yang diketengahkan, iaitu mengenal pasti bentuk imbuhan awalan dan kata dasar serta menghuraikan proses pengimbuhan dalam kata kerja terbitan. Dari segi kaedah kajian pula, kaedah kualitatif berbentuk deskriptif dipilih untuk menerangkan pengimbuhan kata kerja dalam bahasa Iban. Selain itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan teks-teks cerita masyarakat Iban yang terdapat dalam sebuah buku yang diberi tajuk *Tiga Ensera* (The Tun Jugah Foundation, 2009). Proses pengumpulan data dilakukan dengan mencatat dan menyenaraikan sejumlah kata kerja terbitan yang terdapat dalam teks cerita *Indai Jubang* (Sang Lamat, 2003), *Kumang Bunsu Ikan Buing* (Muda Sandin, 2004) dan *Kumang Nyeru* (Mathew Banyin Nyaru, 2003) dan dianalisis dengan berlandaskan Teori Linguistik Struktural yang dipelopori oleh Ferdinand De Saussure (1960). Berpandukan hasil analisis data, jelas menunjukkan bahawa kata kerja terbitan dalam bahasa Iban dibentuk melalui proses pengimbuhan morfem awalan dengan kata dasarnya. Terdapat beberapa bentuk morfem awalan yang terlibat iaitu morfem awalan /be-/, /di-/, /te-/, dan /en-/ yang diimbuhkan pada fonem awal kata dasar. Selain itu, analisis kajian juga mendapati proses penyengauan atau nasalisasi berlaku dalam pembentukan kata kerja terbitan bahasa Iban yang dilambangkan dengan /N-/. Melalui analisis ini, jelas menunjukkan bahawa bahasa Iban membentuk kata terbitannya melalui proses pengimbuhan dan memiliki sebahagian bentuk imbuhan awalan yang berbeza dengan bahasa lain. Justeru, kajian ini dapat memberi pemahaman dan mengenal pasti pengimbuhan kata dalam bahasa Iban.

**Kata kunci:** Bahasa Iban; proses pengimbuhan awalan; kata kerja terbitan; imbuhan awalan

### ABSTRACT

*This study was conducted to identify affixation in the Iban language. In affixation, this study focused on the prefix that appeared in front of the verbs that found in the Iban folkore texts. There are two objectives that are highlighted, which are to identify the forms of prefix and root word and describe the affixation process in the derivative verbs. In terms of the research method, a descriptive qualitative method was chosen to explain the affixation of verbs in the language. Besides, the instrument used in this study is the texts of Iban folkore in a book titled Tiga Ensera (The Tun Jugah Foundation, 2009). The data collection process is done by recording and listing a number of derived verbs that found in the Indai Jubang (Sang Lamat, 2003), Kumang Bunsu Ikan Buing (Muda*

*Sandin, 2004) and Kumang Nyera (Mathew Banyin Nyaru, 2003) texts and analysing them based on the Structural Linguistic Theory by Ferdinand De Saussure (1960). Based on the results of data analysis, it is clear that derivative verbs in the Iban language are formed through the process of affixation of prefix morphemes with the base word. There are several forms of prefix morphemes involved in this process such as /be-/ , /di-/ , /te-/ , /en-/ that were added at the initial phoneme of the base word. In addition, the analysis also showed that the process of nasalization occurs in the formation of verbs derived from the language that is symbolized by the /N-/. Based on this study, it is clearly shows that the Iban language forms its derived words through the affixation process and has some forms of prefix affixes that are different from other languages. Therefore, this study can provide a comprehensive description on word affixes and how to identify them in the Iban language.*

**Keyword:** *Iban language; prefix affixation process; derivative verbs; prefixes*

## **PENGENALAN**

Morfologi merupakan suatu kajian linguistik yang meneliti bentuk dan struktur suatu kata. Dalam konteks ini, pembentukan kata dan bentuk kata yang terhasil menjadi fokus utama dalam kajian morfologi melalui proses pengimbuhan kata. Pengimbuhan ialah proses penggabungan dua jenis morfem, iaitu morfem terikat dan morfem bebas. Menurut Ahmad Khair Mohd Nor (2017), proses pengimbuhan merupakan salah satu proses pembentukan kata terbitan. Proses ini mempengaruhi bentuk suatu kata daripada bentuk tunggal sehingga menjadi bentuk terbitan. Wayan Simpen (2021) dalam bukunya yang bertajuk *Morfologi: Kajian Proses Pembentukan Kata* menjelaskan bahawa morfem terikat berperanan penting dalam pembentukan kata kompleks dan tidak mempunyai makna manakala morfem bebas pula memiliki makna leksikal serta menjadi dasar dalam pembinaan kata yang baru. Oleh sebab itu, morfem terikat terdiri daripada beberapa imbuhan manakala morfem bebas merupakan kata dasar. Dalam buku ini juga, Wayan Simpen (2021) memberikan salah satu contoh proses pengimbuhan kata dasar yang merupakan kata kerja dengan imbuhan awalan yakni kata *curi* dengan awalan /men-/ yang menjadi perkataan *mencuri*.

Sebagaimana yang kita maklumi, bahasa Iban merupakan salah satu bahasa jenis aglutinatif selain bahasa Melayu. Bahasa Iban cenderung membentuk kata baharu dengan menggabungkan imbuhan pada bentuk dasarnya. Bahkan, proses tersebut turut mengubah makna asal dan fungsi nahu kata atau frasa dalam suatu ayat (Saidatul Nornis Mahali, 2021). Bahasa Iban mempunyai beberapa jenis imbuhan yakni awalan (prefiks), sisipan (infiks) dan akhiran (sufiks). Berdasarkan ketiga-tiga imbuhan ini, imbuhan awalan mempunyai bilangan morfem yang paling banyak jika dibandingkan dengan imbuhan sisipan dan akhiran (Asmah Omar & Rosline Sandai, 2012). Sebagai lanjutan daripada pernyataan sebelumnya, imbuhan awalan diletakkan di hadapan atau sebelum kata dasar atau kata akar sebaliknya imbuhan akhiran pula terletak di belakang kata tersebut. Manakala, imbuhan sisipan pula berada di tengah-tengah kata akar atau selepas konsonan pertama kata tersebut. Namun begitu, terdapat juga proses penyengauan yang melibatkan penggantian atau penambahan morfem awalan di hadapan kata kerja. Proses pengimbuhan ini berlaku dalam semua kelas kata dalam bahasa Iban seperti dalam kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Seperti yang telah dinyatakan, makna dan fungsi nahu asal bagi ketiga-tiga kelas kata ini yang mengalami proses pengimbuhan akan berubah berdasarkan bentuk imbuhan yang diterima. Namun begitu, makalah ini akan menumpukan kepada proses pengimbuhan awalan dalam kata kerja sahaja. Hal ini demikian kerana, penggunaan kelas kata ini paling dominan dalam bentuk tulisan karya bahasa Iban.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti proses pengimbuhan kata dalam bahasa Iban. Kajian ini memperlihatkan proses pembentukan katanya berbeza dengan bahasa lain walaupun terdapat beberapa persamaan dalam proses ini. Lebih-lebih lagi apabila setiap bahasa memiliki bentuk imbuhan yang bervariasi seperti bahasa Melayu dengan bahasa Iban. Kita mengakui bahawa bahasa Melayu mempunyai bentuk imbuhan yang hampir sama dengan bahasa Iban tetapi terdapat beberapa imbuhan yang tidak ada dalam salah satu bahasa tersebut. Selanjutnya, pengkaji akan mengenal pasti kata kerja yang menerima imbuhan awalan di hadapan kata. Hal ini penting sebagai gambaran kepada keseluruhan bentuk kata baharu yang terhasil melalui proses pengimbuhan. Selepas itu, pengkaji akan menjelaskan proses pengimbuhan awalan dalam kelas kata yang dipilih.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti proses pengimbuhan kata dalam bahasa Iban. Dari segi objektif kajian pula, terdapat dua objektif kajian yang telah ditetapkan. Objektif kajian yang pertama ialah untuk mengidentifikasikan imbuhan awalan dan kata dasar dalam kata kerja terbitan. Kata kerja yang telah mengalami proses pengimbuhan mendorong kepada penggunaan imbuhan awalan sebelum fonem awal kata kerja. Objektif kedua pula ialah menerangkan proses pengimbuhan awalan dalam kata kerja terbitan bahasa Iban. Proses pengimbuhan ini akan ditelusuri secara mendalam berdasarkan bentuk imbuhan awalan yang hadir dalam kata kerja.

## KOSA ILMU

Dalam kajian lepas, terdapat beberapa kajian bahasa yang dijalankan berkaitan dengan kosa kata dalam bahasa Iban dan mengkaji tentang sistem imbuhan kata dalam bahasa Iban. Antaranya, kajian Dedy Ari Asfar (2016) yang mengkaji sistem imbuhan dalam teks cerita masyarakat Iban. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan ciri-ciri bahasa Iban dalam tiga teks tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan beberapa instrumen seperti temu bual dan pemerhatian untuk mengumpulkan data yang dikehendaki. Dalam proses menganalisis data, sistem *International Phonetic Alphabet* (IPA) (1999) digunakan untuk mentranskripsikan hasil penceritaan melalui temu bual yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa morfem awalan /N-/ terdiri daripada beberapa alomorf yakni /n-/, /m-/, dan /meN-/. Malahan, kata kerja intransitif dapat dibina dari beberapa kelas kata seperti kata adjektif, adverba dan verba melalui pengimbuhan morfem awalan /beR-/.

Kajian Corella Stephen, Chemaline Osup dan Siti Saniah Abu Bakar (2017) pula memfokuskan kepada faktor percampuran kod dalam kalangan masyarakat Iban. Kajian ini secara tidak langsung memperlihatkan pola penggunaan kata dalam bahasa Iban dari segi aspek morfologi yang sering digunakan oleh masyarakat tersebut. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang mendorong kepada situasi campur kod kaum ini di Sarawak. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan teknik rakaman spontan dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Persampelan dipilih berdasarkan latar belakang pendidikan masyarakat Iban iaitu berpendidikan Inggeris dan berpendidikan Melayu bagi kaedah soal selidik. Manakala, sampel untuk kaedah rakaman pula merupakan individu berbangsa Iban dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang pendidikan. Keputusan akhir kajian ini memperlihatkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi berlakunya situasi campur kod di Sarawak iaitu kemahiran berbahasa, orang, tujuan, istilah, minat, ungkapan yang terlalu panjang, kesan pembelajaran, kefahaman mesej, situasi dan amalan. Data kajian ini juga menunjukkan terdapat morfem bahasa Iban yang digabungkan di hadapan unsur bahasa asing iaitu bahasa Inggeris yang jelas tidak tepat penggunaannya dalam faktor pemahaman mesej. Contohnya, penggunaan kata *save* dan *disave* yang seharusnya digunakan dengan kata dasar dan kata terbitan yang tepat dalam bahasa Iban iaitu *simpan* dan *disimpan*. Pernyataan ini disokong sepenuhnya oleh Mohd Syuhaidi dan Aliffuqman (2018) yang mengatakan bahawa percampuran kod dalam penggunaan alat telekomunikasi telah menjadi amalan biasa kepada masyarakat umum.

Selain itu, terdapat juga kajian berkaitan varian bahasa Ibanik seperti perbandingan bahasa Remun dengan bahasa Iban yang dilakukan oleh Chong Shin, Remmy Gedat dan Mohammed Azlan Mis (2019). Tujuan kajian ini ialah untuk menjelaskan perkaitan antara bahasa Remun dengan bahasa Iban. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perbandingan antara kedua-dua varian bahasa Ibanik tersebut dari segi aspek leksikal dan fonologi. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Instrumen yang diketengahkan dalam kajian ini merupakan daftar kata yang telah dimodifikasikan dari daftar kata Swadesh yang diperkenalkan Morris Swadesh (1955) serta dianalisis dengan menggunakan analisis perbandingan bahasa antara kedua-dua bahasa. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa adanya perbezaan kata dalam bahasa Remun dengan bahasa Iban dari enam jenis kata berkaitan dengan anggota tubuh, gelaran anggota keluarga, haiwan, kata ganti nama, alam sekitar dan sifat. Contoh salah satu data dari kategori anggota tubuh iaitu perkataan *kuku* yang disebut sebagai *silup* dalam bahasa Remun manakala *kukut* dalam bahasa Iban. Kajian ini juga menunjukkan terdapat 85% kognat kata


yang sama dalam kedua-dua varian bahasa Ibanik ini. Misalnya, data dari kategori haiwan dan tumbuhan iaitu perkataan *kucing* yang disebut sebagai *mayau* dalam kedua-dua bahasa ini.

Seterusnya, kajian Siti Nur Hidayah Abdullah dan Jais Sahok (2019) pula meneliti perkataan yang hampir sama makna atau bersinonim dalam bahasa Iban dengan bahasa Salako. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan kehadiran perkataan sinonim dalam kedua-dua bahasa tersebut. Bentuk kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan, pemerhatian, temu bual berstruktur dan tidak formal serta kaedah catat dan semak dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Dalam kaedah temu bual berstruktur pula, terdapat 4 orang informan yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan menggunakan rumus NORF (*non-mobile, old, remote and female*) dan NORM (*non-mobile, old, rural and male*). Keputusan akhir kajian menjelaskan bahawa bahasa Iban dan bahasa Salako masih memiliki beberapa perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama atau sinonim walaupun kedua-dua bahasa ini berasal dari suku bahasa yang berbeza. Namun begitu, data yang berjaya dikenal pasti sebagai perkataan yang bersinonim hanya sedikit iaitu lapan kosa kata sahaja. Antara salah satu data dalam kajian ini ialah perkataan *terap* (bahasa Iban) dan *tarap* (bahasa Salako) yang merujuk kepada sejenis buah. Kedua-duanya didapati mempunyai bunyi, penyebutan dan ejaan yang hampir serupa.

Selanjutnya, terdapat juga kajian yang mengkaji tentang isu-isu homogeni linguistik dalam varian bahasa Iban yang terdapat di Sarawak oleh Chong Shin (2021). Kajian ini bertujuan untuk menerangkan perubahan status etnonim kaum Iban di Sarawak. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan melalui kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh penyelidik bahasa terdahulu. Berpandukan analisis kajian, jelas menunjukkan bahawa istilah “Iban” merupakan eksonim pada peringkat awal migrasi penduduk sehingga berkembang menjadi endonim. Kesan daripada perubahan istilah ini, populasi kaum Iban semakin meningkat dan penyataan ini disokong sepenuhnya oleh varian bahasa Iban yang lain seperti Balau, Remun, Kantu, Milikin dan Kupang. Malahan, hasil akhir kajian mendapati bahasa Iban menjadi bahasa perantaraan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendeskripsikan proses pembentukan kata kerja terbitan melalui suatu proses morfologi iaitu pengimbuhan kata. Pengkaji turut menggunakan kaedah sekunder yakni data korpus yang didapati dalam buku *Tiga Ensera* terbitan The Tun Jugah Foundation (2009). Buku ini dipilih kerana mempunyai tiga cerita yang berlainan iaitu *Indai Jubang* (Sang Lamat, 2003), *Kumang Bunsu Ikan Buing* (Muda Sandin, 2004) dan *Kumang Nyera* (Mathew Banyin Nyaru, 2003). Buku ini mempunyai 239 halaman dan jumlah patah perkataan kira-kira 50 000 sehingga 70 000 perkataan. Kesemua tajuk diambil kira sebagai data kajian untuk mendapatkan data kata kerja dasar dan bentuk imbuhan awalan yang hadir di hadapan kata tersebut. Pemilihan buku ini dibuat berdasarkan kesesuaian kandungannya yang mengandungi kata kerja terbitan. Bukan itu sahaja, ketiga-tiga teks cerita tersebut pernah memenangi *Pekit Nulis Ensera Iban* yang dianjurkan oleh Yayasan Tun Jugah pada tahun 2003 dan 2004. Analisis data dilakukan dengan berlandaskan Teori Linguistik Struktural yang dipelopori oleh Ferdinand De Saussure (1960). Berdasarkan objektif (1) iaitu mengenal pasti kata kerja yang menerima imbuhan awalan di hadapan kata, data akan dikelaskan kepada dua jenis kata iaitu kata dasar (kata kerja) dan morfem awalan manakala objektif (2) pula akan menghuraikan proses penggabungan morfem awalan di hadapan kata kerja dasar. Teori Linguistik Struktural ini amat penting kerana tumpuan kajian ini merupakan aspek morfologi yang menggolongkan kata kerja dan bentuk imbuhan awalan dalam kelas kata masing-masing (Asmah Omar, 1993). Ketiga-tiga teks cerita rakyat dalam buku *Tiga Ensera* dipilih kerana memenuhi kehendak kajian yang mempunyai penggunaan imbuhan awalan dalam kata kerja. Rajah 1 berikut menunjukkan proses pengumpulan dan penganalisan data dalam buku tersebut:



**Rajah 1.** Proses pengumpulan dan penganalisan data teks-teks cerita rakyat dalam buku *Tiga Ensera* (The Tun Jugah Foundation, 2009)

## ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini telah menganalisis dan mengenal pasti kata kerja yang menerima imbuhan awalan di hadapan kata tersebut. Hal ini bertepatan dengan objektif (1) yang ingin dicapai iaitu mengenal pasti kata kerja yang menerima imbuhan awalan dengan merekodkan data tersebut dalam satu jadual seperti di bawah. Dalam analisis objektif 1, terdapat beberapa imbuhan awalan yang didapati hadir di hadapan fonem kata kerja dalam ketiga-tiga teks tersebut. Antara imbuhan awalan tersebut ialah /be-/, /di-/, /te-/, /en-/ dan /N-/. Analisis bagi Objektif (2) pula menjelaskan proses penggabungan morfem awalan dengan bentuk dasar bagi kata kerja yang digunakan. Dalam analisis ini, terdapat dua proses pembentukan kata kerja terbitan yang dikenal pasti iaitu proses penyengauan dan penambahan fonem pada awal kata.

## PENGIMBUHAN DALAM BAHASA IBAN

Pembentukan kata baharu dalam bahasa Iban banyak menggunakan proses morfologi khususnya kata kerja terbitan. Proses pembentukan kata kerja terbitan melibatkan proses pengimbuhan awalan, sisipan, apitan dan akhiran yang merupakan salah satu proses morfologi (Asmah Omar & Rosline Sandai, 2012) Namun, data bagi kajian ini hanya akan memfokuskan dan menganalisis bentuk imbuhan awalan yang terdapat dalam kata kerja. Antara imbuhan awalan yang telah dikenal pasti dalam data yang dikumpulkan ialah /be-/, /di-/, /te-/, /en-/, dan /N-/.

### Imbuhan awalan /be-/

Menurut Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012) dalam bukunya yang bertajuk *Morfologi Bahasa Iban* menyatakan bahawa morfem awalan /be-/ merujuk kepada kewujudan sesuatu pergerakan dalam suatu perbuatan atau tindakan. Morfem awalan ini merangkumi beberapa alomorf seperti alomorf /be-/, /ber-/, /bel-/ dan /b-/. Morfem ini juga dapat digabungkan dengan semua huruf yang mendahului kata dasar seperti morfem awalan /beR-/ dalam bahasa Melayu (Ismail Dahaman, 2017). Selain itu, penggunaan imbuhan ini dalam kata kerja membentuk ayat aktif dan ayat pasif yang menyerupai morfem awalan /beR-/ dalam bahasa Melayu seperti yang dikaji oleh Amir Hatim Asmali Jauhari et al., (2018). Berdasarkan data yang telah dianalisis, pengkaji mendapati kata kerja bahasa Iban lebih banyak

menerima kehadiran alomorf /be-/ dibandingkan dengan alomorf yang lain di hadapan kata kerja. Pernyataan ini disokong sepenuhnya oleh Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012) dalam kajian mereka yang turut menyatakan bahawa penggunaan alomorf /be-/ paling banyak digunakan dalam pengimbuhan kata kerja bahasa Iban. Oleh sebab itu, alomorf /be-/ dijadikan sebagai alomorf dasar bagi morfem awalan /be-/. Berdasarkan jadual di bawah, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kata kerja yang menerima imbuhan awalan /be-/ dalam ketiga-tiga teks dari buku *Tiga Ensera*. Analisis data menunjukkan bahawa penggunaan alomorf awalan /be-/ paling dominan dalam pembentukan kata kerja terbitan dalam bahasa Iban. Jadual 1 memaparkan penggunaan imbuhan awalan ini dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Terdapat dua contoh kata kerja yang telah dikenal pasti digabungkan dengan morfem awalan /be-/ iaitu *bebai* (membawa) dan *betesau* (memanggil).

**Jadual 1.** Pengimbuhan morfem awalan /be-/

/be-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	Bai	bawa	bebai	membawa	Lalu begerah mih sida tudah Indai Jubang madah <b>bebai</b> baum ngagai nemiak redak mayuh. (p,11)
2.	Tesau	panggil	betesau	memanggil	Lemai nya, dia indai Keling ngasuh nemiak <b>betesau</b> niti rumah, mai bala baum, (p,19) (Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 2 di bawah menunjukkan kata kerja yang telah dikenal pasti menerima morfem awalan /ber-/ dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara contoh kata kerja terbitan yang telah dikesan ialah *beranchau* (menghamparkan) dan *berindik* (berpijak).

**Jadual 2.** Pengimbuhan morfem awalan /ber-/

/ber-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	Anchau	hampar	beranchau	menghamparkan	Nyadi indai Keling enda <b>beranchau</b> tikai mayuh laban tikai sida iya sigi agi meruan enda digiling sekumbang Keling ke sakit tujuh hari tujuh malam nya. (p,19)
2.	Indik	pijak	berindik	berpijak	Kaki enggi sida <b>berindik</b> di setawak tinggi sambang. (p,29) (Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 3 di bawah memaparkan contoh kata kerja terbitan yang digabungkan dengan morfem awalan /be-/ yang terdapat dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh data yang dikenal pasti ialah *begagai* (berkejar) dan *begiga* (mencari).

**Jadual 3.** Pengimbuhan morfem awalan /be-/

/be-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	gagai	kejar	begagai	berkejar	Nya mih menalan ke selalu alai sida serambau bemain, betundi, <b>begagai</b> sereta begulai enggau pangan diri. (p,51)

2.	giga	cari	begiga	mencari	Sida <b>begiga</b> sebelah-belah ujung tandu, ujung bilik enggau sebelah-belah babas semak rumah. (p,52)
----	------	------	--------	---------	--

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Jadual 4 di bawah memaparkan contoh kata kerja terbitan yang diimbuhkan dengan morfem awalan /be-/ yang terdapat dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara kata kerja terbitan yang dikesan ialah *betalat* (berbalah) dan *beberap* (berpelukan).

**Jadual 4.** Pengimbuhan morfem awalan /be-/

/be-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	talat	balah	betalat	berbalah	Aki Buku Tebu lalu pansut ke ruai enggai agi <b>betalat</b> enggau Ini Buku Tebu. (p,88)
2.	berap	peluk	beberap	berpelukan	Datai indu empat iku nya tadi ba semak penau, sida lalu <b>beberap</b> . (p,134)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

### Imbuhan awalan /di-/

Dalam pembentukan kata kerja terbitan, imbuhan awalan ini hanya hadir dalam ayat pasif. Hal ini demikian kerana, imbuhan awalan ini ialah awalan dalam kata kerja pasif (Asmah Omar dan Rosline Sandai, 2012). Dalam kajian yang dijalankan oleh Ismail Dahaman (2017), imbuhan awalan ini berlaku dalam proses pengimbuhan yang melibatkan semua jenis fonem awal kata kerja. Ekoran daripada itu, imbuhan awalan ini dikenali sebagai imbuhan awalan pasif selain hanya diimbuhkan pada kata kerja transitif. Imbuhan awalan ini turut memiliki beberapa alomorf yakni /di-/ dan /d-/. Berikutan dengan bentuk ejaan terbaharu yang menunjukkan pengimbuhan alomorf /di-/ di hadapan kata dasar, maka alomorf /di/ dijadikan sebagai alomorf dasar bagi bentuk awalan ini. Hal ini memang sejajar dengan kekerapan penggunaan alomorf /di/ yang paling tinggi jika dibandingkan dengan alomorf /d-/ (Asmah Omar, 2013). Dalam data, pengkaji mendapati terdapat beberapa kata kerja yang diimbuhkan dengan alomorf awalan /di-/ bagi variasi imbuhan awalan ini. Selain itu, pengkaji juga tidak menemui kehadiran alomorf /d-/ pada kata kerja terbitan dalam ketiga-tiga teks tersebut. Jadual 5 di bawah memaparkan contoh kata terbitan yang mengalami proses pengimbuhan morfem awalan /di-/ dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Data yang telah dikesan ialah *disebut* (dipanggil) dan *dianchau* (dihampar).

**Jadual 5.** Pengimbuhan morfem awalan /di-/

/di-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	sebut	panggil	disebut	dipanggil	Tembawai tu <b>disebut</b> sereta dikumbai orang Tembawai Pupu Seribu,” pia ku indai Jubang nusui ngagai bala mayuh. (p,31)
2.	anchau	hampar	dianchau	dihampar	Bilik sida Keling endang udah <b>dianchau</b> tikai magang-magang, nganti penatai orang ke pulai mai bini iya. (p,39)

(Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 6 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan yang digabungkan dengan morfem awalan /di-/ dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh kata kerja terbitan yang telah dikenal pasti ialah *dikeranau* (dicari) dan *dipantuk* (dipatuk).

**Jadual 6.** Pengimbuhan morfem awalan /di-/

/di-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	keranau	cari	dikeranau	dicari	Semua endur abis <b>dikeranau</b> magang tang lalu nadai ga Ngelai temu. (p,52)
2.	pantuk	patuk	dipantuk	dipatuk	Iya mimpi asai ke <b>dipantuk</b> ular tedung. (p,57) (Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Dalam Jadual 7 di bawah memaparkan beberapa kata kerja terbitan yang diimbuhkan dengan morfem awalan /di-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh kata kerja terbitan yang ditemui ialah *diempa* (dimakan) dan *disintak* (disentak).

**Jadual 7.** Pengimbuhan morfem awalan /di-/

/di-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	empa	makan	diempa	dimakan	Tak baru sekerat burung nya ti udah <b>diempa</b> iya, alai Kumang lalu ensurak mutah. (p,84)
2.	sintak	sentak	disintak	disentak	Lalu Engki seduai Abak enda diasuh sida mindah ari pun kayu enggai ka <b>disintak</b> panjuk antu. (p,103) (Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

### Imbuhan awalan /te-/

Selain jenis imbuhan awalan yang telah diterangkan sebelumnya, pengkaji turut mendapati kehadiran imbuhan awalan /te-/ dalam teks-teks cerita yang terdapat dalam buku *Tiga Ensera*. Imbuhan awalan ini mempunyai beberapa alomorf iaitu /te-/, /ter-/ dan /t-/. Jika ditinjau dari segi aspek makna pula, imbuhan awalan ini membawa beberapa pemerian makna yang merujuk “perbuatan tidak sengaja” (*without intention*) atau “keupayaan atau kemampuan melakukan sesuatu” (*with ability*) (Asmah Omar, 2012). Berdasarkan data, pengkaji hanya mendapati satu alomorf yang hadir di hadapan kata kerja iaitu alomorf /te-/. Malahan, alomorf ini juga digunakan dalam jumlah yang sangat sedikit dalam data kerana pengkaji menemui data yang menunjukkan penggunaan alomorf awalan ini dalam dua teks cerita sahaja. Jadual di bawah menunjukkan penggunaan alomorf tersebut dalam data. Jadual 8 di bawah memperlihatkan pengimbuhan morfem awalan /te-/ dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh data yang ditemui ialah *telempai* (tergantung) dan *tesilak* (terselak).

**Jadual 8.** Pengimbuhan morfem awalan /te-/

/te-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	lempai	gantung	telempai	tergantung	Aku tu deka nempalungka leka pelage lawai, nyelinting batang tiang ranyai ngambika pun patah <b>telempai</b> . (p,33)
2.	silak	selak	tesilak	terselak	Sereta pintu <b>tesilak</b> , iya lalu berengangai bekumbai makai. (p,35) (Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)



Jadual 9 di bawah memaparkan contoh kata terbitan yang diimbuhkan dengan morfem awalan /te-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara data yang dikenal pasti ialah *tedani* (terbangun) dan *tetungkam* (tersungkur).

**Jadual 9.** Pengimbuhan morfem awalan /te-/

/te-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	dani	bangun	tedani	terbangun	Kumang lalu <b>tedani</b> . (p,96)
2.	tungkam	sungkur	tetungkam	tersungkur	Lalu tumbang Antu Gerasi Banjang telentang rebah <b>tetungkam</b> . (p,107)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

**Imbuhan awalan /en-/**

Dalam bahasa Iban, imbuhan awalan /en-/ sering digunakan terutamanya dalam kata kerja. Hal ini disebabkan oleh pemerian makna bagi imbuhan awalan ini yang dikaitkan dengan suatu pergerakan yang bersifat aktif dalam suatu tindakan atau tingkah laku dalam kata kerja (Asmah Omar, 2013). Imbuhan awalan ini digabungkan dengan kata kerja tak transitif (KKT). Jika dilihat dari segi varian alomorf pula, imbuhan awalan ini mempunyai tiga alomorf yakni /en-/, /em-/ dan /eng-/ yang merupakan alomorf lingkungan (Asmah Omar & Rosline Sandai, 2012). Namun begitu, pengkaji hanya menemui data yang menunjukkan kehadiran alomorf /en-/ dalam kata kerja walaupun dalam kekerapan penggunaannya rendah jika dibandingkan dengan bentuk imbuhan awalan yang lain. Bertitik tolak daripada itu, alomorf /en-/ dijadikan sebagai alomorf dasar bagi varian alomorf bentuk imbuhan awalan ini kerana lebih sering hadir di hadapan kata dasar. Jadual 10 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan yang diimbuhkan dengan morfem awalan /en-/ dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Sebagai analoginya, kata kerja terbitan *ensium* (menghidu).

**Jadual 10.** Pengimbuhan morfem awalan /en-/

/en-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	sium	hidu	ensium	menghidu	Bala sida ke indai orang ke duduk ari baruh nyau nekus, enda tan <b>ensium</b> bau insap nya. (p,55)

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Jadual 11 di bawah memaparkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /en-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contohnya, kata kerja terbitan *ensepi* (merasai).

**Jadual 11.** Pengimbuhan morfem awalan /en-/

/en-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	sepi	rasa	ensepi	merasai	Iya nyau nadai betati deka mulaika diri ke Panggau agi laban <b>ensepi</b> penyamai begulai enggau Pama, makai enda belala; ensepi penyamai begulai enggau Raung, makai enda ngipung, peneka ngempa; ensepi penyamai

begulai enggau Engkatak, makai enda besak,  
enda lelak ngereja pengawa. (p,112)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

### Imbuhan awalan /N-/

Selanjutnya, imbuhan awalan /N-/ juga terlibat dalam pembentukan kata kerja terbitan bahasa Iban. Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012) menyatakan bahawa imbuhan awalan ini merupakan morfem penyengauan yang terdapat dalam proses penyengauan. Dari segi makna imbuhan pula, imbuhan awalan ini membawa maksud yang sama dengan imbuhan awalan /meN-/ dalam bahasa Melayu iaitu “melakukan perbuatan” (Lee Pin Ling & Goh Sang Seong, 2020). Sebagaimana dengan bentuk imbuhan awalan yang lain, imbuhan awalan /N-/ juga mempunyai beberapa variasi alomorf penyengauan yang mewakilinya seperti alomorf / iaitu /m-/, /n-/, /ny-/, /ng-/ dan /nge-/. Berpandukan data, pengkaji menemui hampir kesemua alomorf penyengauan hadir di hadapan kata kerja kecuali alomorf /nge-/ yang hanya dijumpai dalam satu data. Jadual 12 di bawah menunjukkan pengimbuhan morfem awalan /m-/ dengan kata kerja dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh data yang ditemui ialah *meda* (melihat) dan *muai* (membuang).

Jadual 12. Pengimbuhan morfem awalan /m-/

/m-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	peda	lihat	meda	melihat	<b>Meda</b> orang bukai tak bela udah angkat ngambi ke bilik, dia Indai Jubang pan lalu tama ke bilik, ngambi enggi iya. (p,12)
2.	buai	buang	muai	membuang	“Anang <b>muai</b> lupung tu nuan, Igat.” Pia ku Ini Manang Gelumang Kengkang Gemalung, bini Aki Surik Melibui Lampung. (p, 18)

(Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 13 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan yang digabungkan dengan morfem awalan /m-/ dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh data yang ditemui ialah *malik* (menoleh) dan *megai* (memegang).

Jadual 13. Pengimbuhan morfem awalan /m-/

/m-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	palik	toleh	malik	menoleh	Tiga kali iya <b>malik</b> nging ke belakang lebu ngejangka tengah laman sida iya. (p,51)
2.	pegai	pegang	megai	memegang	Keling lalu <b>megai</b> jari indu nya sereta lalu ngendas ai mata iya. (p,63)

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Jadual 14 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /m-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara kata kerja yang dikesan ialah *malu* (memukul) dan *munuh* (membunuh).

**Jadual 14.** Pengimbuhan morfem awalan /m-/

/m-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	palu	pukul	malu	memukul	Udah nya, Laja seduai Sempurai sama-sama matah kayu kira-kira mesai pah, dikena seduai <b>malu</b> antu. (p,104)
2.	bunuh	bunuh	munuh	membunuh	“Alau, Aya! Alau Aki! Tulung kami tu <b>munuh</b> Antu Gerasi nyin,” pia ku bala sida ke dia. (p,106)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

Jadual 15 di bawah memaparkan contoh kata kerja terbitan yang diimbuhkan dengan morfem awalan /n-/ dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara kata kerja terbitan yang ditemui ialah *nepas* (menyapu) dan *nanya* (bertanya).

**Jadual 15.** Pengimbuhan morfem awalan /n-/

/n-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	tepas	sapu	nepas	menyapu	Indai Keling semina <b>nepas</b> uras ba ruai iya aja. (p,19)
2.	tanya	tanya	nanya	bertanya	Datai di rumah, bedau sempat duduk Selingkar Langit Luar, Indai Jubang lalu <b>nanya</b> . (p,25)

(Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 16 berikut menunjukkan contoh kata kerja terbitan yang dikesan menerima morfem awalan /n-/ di hadapan kata dasar dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara data tersebut ialah *ninga* (mendengar) dan *nesau* (memanggil).

**Jadual 16.** Pengimbuhan morfem awalan /n-/

/n-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	dinga	dengar	ninga	mendengar	Lama apai Keling enda bemunyi <b>ninga</b> berita ti ditusui bala sida Keling ke pulai ari Gelung nya tadi. (p,53)
2.	tesau	panggil	nesau	memanggil	Iya ngasuh Sempurai <b>nesau</b> bala. (p,55)

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Jadual 17 di bawah memperlihatkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /n-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara kata kerja terbitan yang ditemui ialah *nempap* (menepuk) dan *nerekam* (menerkam).

Jadual 17. Pengimbuhan morfem awalan /n-/

/n-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	tempap	tebuk	nempap	menepuk	“Uh dini nyadi nejuka iya kediri dih! Enti Buat tu ditejuka kediri, ila lebuah kita nyera baka Ika nya, nurun kediri ga kita ngiga buah nya ke sera. Enda pia, Ubal?” ku Sempurai lalu <b>nempap</b> pah Sepungga ke duduk berimbau enggau iya. (p,99)
2.	Terekam	terkam	nerekam	menerkam	Antu Gerasi lalu deka <b>nerekam</b> Sempurai. (p,104)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

Jadual 18 di bawah memaparkan kata kerja terbitan yang menerima morfem awalan /ny-/ dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Antara data yang dikesan ialah *nyapa* (menyapa) dan *nyerang* (menyerang).

Jadual 18. Pengimbuhan morfem awalan /ny-/

/ny-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	sapa	sapa	nyapa	menyapa	Benung Ini Manang berentunka lupung enggau Sempurai, dia dih bisi orang nyapa. (p,18)
2.	Serang	serang	nyerang	menyerang	Kebuah pia ku iya, ngambika sida indai Jubang enda ngumbai kaban lelaki nya ke datai ketegal deka <b>nyerang</b> rumah sida iya. (p,19)

(Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 19 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /ny-/ dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh kata kerja yang dikesan ialah *nyebut* (menyebut) dan *nyeling* (menjeling).

Jadual 19. Pengimbuhan morfem awalan /ny-/

/ny-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	Sebut	sebut	Nyebut	menyebut	Keling endang nadai <b>nyebut</b> pasal utai nya ngagai orang, nya alai sida sebilik enggau orang bukai endang enda nemu pengawa iya. (p,61)
2.	Jeling	jeling	nyeling	menjeling	Indu bajik nya <b>nyeling</b> sambil tuchum belalai malik ngagai Keling. (p,63)

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Jadual 20 di bawah memperlihatkan contoh kata kerja terbitan yang digabungkan dengan morfem awalan /ny-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh data yang ditemui ialah *nyaut* (menjawab) dan *nyaup* (menolong).

**Jadual 20.** Pengimbuhan morfem awalan /ny-/

/ny-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	saut	jawab	nyaut	menjawab	“Enti lalu diunsut ari mua, ujung-ujung kitai empu enda meda antu,” ku Manang <b>nyaut</b> Sempurai.
2.	saup	tolong	nyaup	menolong	Udah nya, Tutung lalu ngerah sida serumah, bebai sama nyah penusah sida di Panggau Libau, <b>nyaup</b> sida ngiga adi iya Kumang ke udah lenyau. (p,115)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

Jadual 21 di bawah memaparkan kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /ng-/ dalam cerita *Indai Jubang* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh kata kerja terbitan yang dijumpai ialah *ngama* (meraba) dan *ngirup* (meminum).

**Jadual 21.** Pengimbuhan morfem awalan /ng-/

/ng-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	gama	raba	ngama	meraba	Seduai <b>ngama</b> tubuh Keling, tang meh iya lalu enda temu pemedis. (p,17)
2.	irup	minum	ngirup	meminum	Naka pengerami mih sida iya malam nya, betundi begagai enggau pangan sambil <b>ngirup</b> ai tuak. (p,41)

(Sang Lamat, 2003: Indai Jubang)

Jadual 22 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan yang menerima kehadiran morfem awalan /ng-/ di hadapan kata dasar dalam cerita *Kumang Bunsu Ikan Buing* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh kata kerja terbitan yang dikesan ialah *ngenung* (merenung) dan *ngipa* (menghendap).

**Jadual 22.** Pengimbuhan morfem awalan /ng-/

/ng-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	genung	renung	ngenung	merenung	Bala nemiak <b>ngenung</b> magang meda pemalat asap insap Apai Makam. (p,55)
2.	ipa	hendap	ngipa	menghendap	Nyau datai hari ti kelima, dia Keling lalu berunding deka <b>ngipa</b> sapa orang ti beduan iya baka nya. (p,61)

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

Jadual 23 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /ng-/ dalam cerita *Kumang Nyera* beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh data yang ditemui ialah *ngetak* (menetak) dan *ngunsut* (menyapu).

**Jadual 23.** Pengimbuhan morfem awalan /ng-/

/ng-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	gama	raba	ngama	meraba	Ini Manang lalu <b>ngama</b> tubuh iya. (p,95)
2.	unsut	sapu	ngunsut	menyapu	Manang dulu <b>ngunsut</b> batu ilau ba kening apin iya bepandang. (p,116)

(Mathew Banyin Nyaru, 2003: Kumang Nyera)

Jadual 24 di bawah memaparkan contoh kata kerja terbitan yang diimbuhkan dengan morfem awalan /nge-/ dalam cerita Kumang Bunsu Ikan Buing beserta contoh penggunaannya dalam ayat. Kata kerja terbitan yang ditemui ialah *ngelanggak* (melanggah).

**Jadual 24.** Pengimbuhan morfem awalan /nge-/

/nge-/					
Bil	Kata dasar	Makna kata dasar	Kata terbitan	Makna kata terbitan	Contoh penggunaan dalam teks
1.	langgak	langgah	ngelanggak	melanggah	Orang mayuh pan chapuh baru ga enggau panjung nyeradakka gelas lalu <b>ngelanggak</b> ai tuak sampai ambis. (p,72)

(Muda Sandin@Stevenson, 2004: Kumang Bunsu Ikan Buing)

## PROSES PENGIMBUHAN DALAM KATA KERJA

Berdasarkan data-data yang telah dianalisis dalam Objektif (1) yang mengenal pasti bentuk imbuhan awalan dalam kata kerja terbitan, jelas menunjukkan bahawa proses pengimbuhan melibatkan penggabungan imbuhan awalan di hadapan kata dasar. Dalam konteks ini, imbuhan awalan merupakan morfem terikat manakala kata kerja dasar pula ialah morfem bebas (Asmah Omar, 2013). Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa proses pengimbuhan turut melibatkan proses nasalisasi atau penyengauan selain penambahan morfem di awal kata kerja. Dalam proses penyengauan, terdapat dua proses yang terlibat iaitu penambahan morfem atau penggantian morfem.

### Imbuhan awalan /be-/

Dalam Jadual 1, 3 dan 4 di atas menunjukkan kata kerja yang menerima alomorf awalan /be-/ di hadapan kata manakala Jadual 2 merupakan kata kerja terbitan yang menerima kehadiran alomorf awalan /ber-/. Alomorf /be-/ hanya hadir di hadapan kata dasar yang bermula dengan konsonan dan alomorf /ber-/ hadir sebelum vokal di awal kata dasar. Hal ini demikian kerana, alomorf /be-/ dan /ber-/ merupakan alomorf lingkungan. Menurut Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012), alomorf lingkungan bermaksud suatu bentuk alomorf ditentukan oleh lingkungan atau distribusinya. Dengan kata lain, ia menentukan posisi atau kedudukan alomorf dalam sesuatu kata. Posisi atau distribusi tersebut ialah jenis bunyi yang berdekatan dengannya (Asmah Omar, 2013). Lingkungan yang dimiliki oleh kedua-dua alomorf tersebut dikenali sebagai lingkungan fonologis. Hal ini disebabkan kedua-dua bentuk alomorf tersebut ditentukan oleh ciri fonologi fonem yang mengikutinya. Sebagai bukti, alomorf /be-/ hanya hadir di hadapan fonem kata kerja yang diawali dengan konsonan manakala alomorf /ber-/ pula digabungkan sebelum vokal di hadapan kata kerja. Berikut menunjukkan proses pengimbuhan bagi kedua-dua alomorf pada kata dasar (kata kerja):

- [be-] + *bai* - *bebai* (membawa)
- [be-] + *tesau* - *betesau* (memanggil)
- [be-] + *gagai* - *begagai* (mengejar)

- [be-]* + *giga* - *begiga* (mencari)
- [be-]* + *talat* - *betalat* (berbalah)
- [be-]* + *berap* - *beberap* (berpelukan)
- [ber-]* + *anchau* - *beranchau* (menghamparkan)
- [ber-]* + *indik* - *berindik* (berpijak)

#### **Imbuhan awalan /di-/**

Berdasarkan data, pengkaji mengenal pasti bahawa hanya penggunaan alomorf /di-/ yang dijumpai dalam pembentukan kata kerja terbitan bagi ketiga-tiga teks cerita yang digunakan. Penggunaan alomorf /di-/ sememangnya hanya dapat digabungkan dengan kata kerja transitif sehingga membentuk ayat kata kerja pasif (Rahim Aman, Muhammad Nur Latif & Shahidi Abdul Hamid, 2014). Alomorf ini dapat digabungkan dengan vokal dan konsonan pada awal kata dasar. Proses penggabungan alomorf /di-/ dengan kata kerja dasar dalam teks-teks tersebut dapat diteliti dalam contoh di bawah:

- [di-]* + *sebut* - *disebut* (dipanggil)
- [di-]* + *anchau* - *dianchau* (dihampar)
- [di]* + *keranau* - *dikeranau* (dicari)
- [di-]* + *pantuk* - *dipantuk* (dipatuk)
- [di-]* + *sintak* - *disintak* (disentak)
- [di-]* + *empa* - *diempa* (dimakan)

#### **Imbuhan awalan /te-/**

Seterusnya, data yang telah dikenal pasti turut menunjukkan kehadiran imbuhan awalan /te-/. Dalam imbuhan awalan ini, hanya penggunaan alomorf /te-/ yang dijumpai oleh pengkaji. Sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam objektif (1), data yang menunjukkan penggunaan alomorf ini di awal kata kerja sangat sedikit yakni dua data dalam teks cerita Indai Jubang (Sang Lamat, 2003) dan Kumang Nyera (Mathew Banyin Nyaru, 2003). Proses pengimbuhan alomorf /te-/ berlaku dalam semua bunyi yang berdekatan dengannya kecuali pada vokal /e-/ di hadapan kata dasar. Berikut merupakan proses pengimbuhan alomorf awalan /te-/ di hadapan kata kerja:

- [te-]* + *lempai* - *telempai* (tergantung)
- [te-]* + *silak* - *tesilak* (terselak)
- [te-]* + *dani* - *tedani* (terbangun)
- [te-]* + *tungkam* - *tetungkam* (tersungkur)

#### **Imbuhan awalan /en-/**

Pengimbuhan imbuhan awalan /en-/ dalam kata kerja pula hanya melibatkan kata kerja tak transitif (KKTT). Dari segi makna, imbuhan awalan ini merujuk kepada keaktifan sesuatu pergerakan dalam suatu perbuatan. Berpandukan data, pengkaji hanya menjumpai penggunaan alomorf /en-/ pada kata kerja terbitan. Oleh kerana alomorf /en-/ merupakan salah satu alomorf lingkungan, maka ia hanya dapat hadir sebelum fonem /s/ pada awal kata kerja (Asmah Omar, 2013). Berikut merupakan proses penggabungan alomorf /en-/ pada kata kerja dalam teks Kumang Bunsu Ikan Buing (Muda Sandin@ Stevenson, 2004) dan Kumang Nyera (Mathew Banyin Nyaru, 2003):

- [en-]* + *sium* - *ensium* (menghidu)
- [en-]* + *sepi* - *ensepi* (merasai)

#### **Imbuhan awalan /N-/**

Selanjutnya, imbuhan awalan /N-/ merupakan imbuhan awalan dalam proses nasalisasi atau penyengauan, Proses penyengauan turut terlibat dalam pembentukan kata kerja terbitan. Dalam konteks

ini, proses penyengauan melibatkan dua proses yang berlaku iaitu penambahan morfem atau penggantian morfem pada awal kata dasar (Asmah Omar & Rosline Sandai, 2012). Penggantian morfem yang berlaku menggantikan fonem awal kata dasar dengan konsonan nasal yang homorgan atau diucapkan dengan alat artikulasi yang sama. Manakala, Asmah Omar (2013) pula menyatakan bahawa penambahan morfem dipengaruhi oleh lingkungan fonologis pada kata dasar yakni merupakan vokal. Berikut merupakan proses penyengauan secara penggantian morfem dan penambahan morfem dalam data.

**Jadual 25.** Proses penyengauan dalam kata kerja

Proses penyengauan		
Bil	Jenis proses	Proses pengimbuhan data
1.	Penggantian morfem	[meN-] + <i>peda</i> - <i>meda</i> (melihat)
2.		[meN-] + <i>buai</i> - <i>muai</i> (membuang)
3.		[meN-] + <i>palik</i> - <i>malik</i> (menoleh)
4.		[meN-] + <i>pegai</i> - <i>megai</i> (memegang)
5.		[meN-] + <i>palu</i> - <i>malu</i> (memukul)
6.		[meN-] + <i>bunuh</i> - <i>munuh</i> (membunuh)
7.		[meN-] + <i>tepas</i> - <i>nepas</i> (menyapu)
8.		[meN-] + <i>tanya</i> - <i>nanya</i> (menanya)
9.		[meN-] + <i>dinga</i> - <i>ninga</i> (mendengar)
10.		[meN-] + <i>tesau</i> - <i>nesau</i> (memanggil)
11.		[meN-] + <i>tempap</i> - <i>nempap</i> (menepuk)
12.		[meN-] + <i>terekam</i> - <i>nerekam</i> (menerkam)
13.		[meN-] + <i>sapa</i> - <i>nyapa</i> (menyapa)
14.		[meN-] + <i>serang</i> - <i>nyerang</i> (menyerang)
15.		[meN-] + <i>sebut</i> - <i>nyebut</i> (menyebut)
16.		[meN-] + <i>jeling</i> - <i>nyeling</i> (menjeling)
17.		[meN-] + <i>saut</i> - <i>nyaut</i> (menjawab)
18.		[meN-] + <i>saup</i> - <i>nyaup</i> (menolong)
19.		[meN-] + <i>gama</i> - <i>ngama</i> (meraba)
20.		[meN-] + <i>genung</i> - <i>ngenung</i> (merenung)
21.		[meN-] + <i>giga</i> - <i>ngiga</i> (mencari)
22.	Penambahan morfem	[meN-] + <i>irup</i> - <i>ngirup</i> (meminum)
23.		[meN-] + <i>ipa</i> - <i>ngipa</i> (menghendap)
24.		[meN-] + <i>unsut</i> - <i>ngunsut</i> (menyapu)
25.		[meN-] + <i>langgak</i> - <i>ngelanggak</i> (melangguh)

Berdasarkan jadual di atas, kata kerja terbitan mengalami proses penyengauan secara penggantian dan penambahan morfem di awal kata. Hasil kajian mendapati bahawa proses penggantian morfem lebih kerap ditemui dalam ketiga-tiga data korpus yang digunakan. Dalam penggantian morfem, terdapat beberapa fonem awal yang terlibat iaitu /b/, /p/, /t/, /d/, /g/, /j/ dan /s/. Fonem awal kata dasar digugurkan dan digantikan dengan bentuk sengau yang sama daerah artikulasinya. Berpandukan data, fonem awal /b/ dan /p/ digantikan dengan alomorf sengauan /m/ manakala fonem awal /t/ dan /d/ digantikan dengan alomorf sengauan /n/. Begitu juga dengan fonem /g/ yang menjadi /ng/ di awal kata dasar selepas mengalami proses penyengauan secara penggantian. Tidak ketinggalan juga dengan penggantian fonem /j/ dan /s/ yang menjadi /ny/ pada awal kata kerja. Selanjutnya, proses penambahan morfem melibatkan dua alomorf yang ditambahkan sebelum fonem awal kata kerja iaitu alomorf /ng-/ dan /nge-/. Alomorf /ng-/ ditambahkan pada kata dasar yang bermula dengan semua vokal manakala penambahan alomorf /nge-/ pula hanya berlaku pada kata kerja yang bermula dengan fonem /l/.

## KESIMPULAN

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa pembentukan kata kerja terbitan dalam bahasa Iban melibatkan proses penambahan dan penyengauan atau nasalisasi. Kedua-dua proses tidak



mempengaruhi makna asal kata dasar dalam bentuk kata baharu. Oleh sebab itu, masyarakat umum selain masyarakat Iban sendiri masih dapat memahami makna bentuk terbitannya. Berdasarkan kajian ini juga, dapat disimpulkan bahawa terdapat imbuhan awalan dalam bahasa Iban yang berbeza dengan imbuhan awalan dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu. Sebagai analoginya, bahasa Iban memiliki imbuhan awalan /en-/ yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Tuntasnya, kajian morfologi bahasa Iban dari segi aspek proses pengimbuhan haruslah dikaji dengan lebih mendalam dan diberikan tumpuan yang teliti supaya bidang morfologi bahasa Iban dapat berkembang seiring dengan bidang linguistik yang lain selain diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bukan itu sahaja, ia juga dapat menyumbang sebagai dokumentasi perpustakaan tentang ilmu morfologi bahasa Iban.

## RUJUKAN

- Ahmad Khair Mohd Nor. (2017). Teks lengkap tatabahasa bahasa Melayu. Selangor: Pustaka Darul Salam.
- Amir Hatin Asmali Jauhari & Nasrun Alias. (2018). Struktur pasif dalam Hikayat Hang Tuah: Kajian berdasarkan Teori Ubah Alfa. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-15.
- Anne Jeffery Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2021). Penguasaan murid tentang penggunaan imbuhan meN-, di- dan beR- dalam penulisan karangan respons terbuka. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 32(2), 89-110.
- Asmah Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar & Rosline Sandai. (2012). *Morfologi bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (2013). *The Iban language of Sarawak: A grammatical description*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin, Gedat, R. & Mohammed Azlan Mis. (2019). Bahasa Remun di negeri Sarawak: Kajian perbandingan dengan bahasa Iban. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(4), 203- 218.
- Chong Shin. (2021). Iban as a koine language in Sarawak. *Wacana*, 22(1), 102-124.
- Dedy Ari Asfar. (2016). Kearifan lokal dan ciri kebahasaan teks naratif masyarakat Iban. *LITERA*, 15(2), 366-378.
- de Saussure, F. (1960). *Course in General Linguistic*. Payot: French.
- International Phonetic Association. (1999). *Handbook of the International Phonetic Association: A guide to the use of the International Phonetic Alphabet*. Cambridge, U.K: Cambridge University Press.
- Ismail Dahaman. (2017). *Canggihnya bahasa Melayu: Sistem pembentukan kata, unsur bergabung tutur bersambung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmin Badruddin, Mohammad Nur Latif & Shahidi Abdul Hamid. (2014). Fonologi Bahasa Kantuk: Kekeabatan dan keeratannya dengan bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung. *Malaysian Journal of Society and Space*, 1, 94-100.
- Lee, P. L., & Goh, S. S. (2020). Perbandingan kata kerja berimbuhan meN- bahasa Melayu dan padanannya dalam bahasa Cina. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 22-48.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Alifluqman Mohd Mazzalan. (2018). Aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia. *e-Academia Journal*, 7(1), 61-71
- Osup, C. (2015). Bahasa etnik Iban di Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 3, 100-113.
- Rahim Aman, Mohammad Nur Latif, & Shahidi Abdul Hamid. (2014). Memupuk perpaduan di Malaysia: Unsur-unsur penyatuan di sebalik imbuhan bahasa Iban Sarawak Purba. *Malaysian Journal of Society and Space*, 6, 187-205.
- Rozita Buyoh, Wong, J. K. L. & Atin, V. P. (2017). Proses dan fungsi pengimbuhan awalan kata kerja terbitan bahasa Kadazandusun: Fokus, masa, aspek, ragam (FMAR). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 96-107.
- Siti Nur Hidayah Abdullah & Jais Sahok. (2019). Sinonim leksikal dalam bahasa Iban dan Salako. *Sains Humanika*, 11 (2), 35-45.
- Stephen, C., Osup, C. & Siti Saniah Abu Bakar. (2017). Faktor campur kod dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. *PENDETA*, 8, 108-115
- Swadesh, M. (1955). Towards greater accuracy in lexicostatic dating. *International journal of American linguistic*, 21(2), 121-137.
- The Tun Jugah Foundation, Sarawak. (2009). *Tiga ensera*. The Tun Jugah Foundation.
- Wayan Simpen. (2021). *Morfologi: Kajian proses pembentukan kata*. Jakarta: Bui Aksara.